

# Pak Lah bakal gantii **saya**: Dr M

BH 14 MAY 2000

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam memperakukan Timbalan Presiden Umno yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya apabila beliau bersara nanti.

Presiden Umno itu berkata, Abdullah yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada Januari tahun lalu, sedang dipersiapkan untuk menggantinya dengan diberi tanggungjawab lebih berat dalam parti dan kerajaan.

“Saya akan memindah banyak kerja Perdana Menteri kepada menteri yang lain terutama kepada Timbalan Perdana Menteri. Dengan itu, saya akan mempunyai lebih banyak masa untuk menumpu kepada kerja parti.

“Saya akan bertemu lebih ramai pemimpin parti, melawat negeri untuk mendengar masalah mereka. Cara ini juga baik kerana saya perlu memberi pelu-

ang kepada Timbalan Presiden untuk mengetahui lebih dekat tugas yang akan dipikul olehnya apabila dia menjadi Perdana Menteri,” katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno.

Dr Mahathir berharap tidak berlaku sesuatu kepada Timbalannya itu kerana sebelum ini beliau terpaksa menanggukkan hasrat untuk bersara pada 1998 apabila bekas Timbalannya dipecat daripada parti dan kerajaan.

Beliau menasihatkan ahli Umno supaya memberikepercayaan penuh kepada Abdullah supaya Timbalannya itu dapat menggantikannya apabila bersara nanti.

“Tetapi saya belum tapkan bila saya nak bersara,” katanva berseloroh menyebabkan Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) gemuruh dengan gelak ketawa.

Dalam sidang akhbar selepas itu, apabila ditanya mengenai cabaran kepadanya dalam tempoh tiga tahun ini, Dr Mahathir berkata, beliau akan bekerja keras untuk parti dan melepaskan beberapa jawatan dalam kerajaan kepada Timbalannya.

“Sebelum ini, saya ber-cadang untuk bersara pada 1998 tetapi saya ingin memastikan parti menerima dan menghormati kepemimpinan baru. Itu adalah tugas saya. Saya tidak boleh membiarkan perkara itu begitu saja,” katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau menyedari ada pihak tertentu yang cuba menjatuhkan Abdullah serta cuba menghasut ahli parti menentang beliau sendiri.

Malah, katanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri pernah mendapatkan bantuan sebilangan perwakilan untuk mengejeknya ketika menyampaikan ucapan pe-

rasmian pada Perhimpunan Agung Umno 1998.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga meminta ahli Umno supaya setia sepenuhnya kepada parti kerana berjuang dengan matlamat untuk menjaya dan membangunkan bangsa, agama dan negara.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan mereka, kesetiaan kepada pemimpin ada had tertentu iaitu selagi pemimpin itu ikhlas, jujur dan tidak menyeleweng.

“Apabila kita dapati pemimpin itu menyeleweng, tidak mempunyai niat yang baik, tidak mempunyai moral yang baik, kita tidak boleh ikat diri kita kepada pemimpin itu dan setia kepadanya.

“Pada ketika itu, fiirkan balik kepada parti kita dan tumpukan kesetiaan kita kepada parti kita... Insya-Allah kita akan mendapat banyak manfaat, banyak nikmat daripada perjuangan kita,” katanya.